

# Pilih ikut kebolehan: PM

BH 18 JUL 2002

ALOR STAR, Rabu – Seramai 72,527 pengundi akan menentukan wakil mereka di kawasan Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit pada pilihan raya kecil esok.

Di Pendang yang mempunyai 53,128 pengundi, calon Barisan Nasional (BN), Datuk Othman Abdul ditentang oleh Dr Mohamad Hayati Othman daripada Pas, manakala di Anak Bukit (19,399 pengundi), Datuk Zakaria Said (BN) menghadapi Amiruddin Hamzah (Pas).

Dalam perutusan sempena pilihan raya kecil itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan pengundi supaya memilih calon berasaskan kebolehan untuk berkhidmat dan bukan rasa benci terhadap seseorang yang datang dari parti lain.

Perdana Menteri berkata, amat malang sekali jika pemilihan dibuat bukan berasaskan kebolehan calon untuk berkhidmat, tetapi sebaliknya berdasarkan kebencian.

Sambil menegaskan pilihan raya kecil itu penting untuk menentukan masa depan penduduk di kedua-dua kawasan berkenaan, Dr Mahathir berharap mereka akan memilih calon berasaskan kebaikan yang boleh dibawa kepada penduduk di situ.

“Saya berharap pengundi akan memilih dengan bijak supaya masa depan mereka lebih terjamin dengan memilih calon dari parti yang sedang memerintah yang boleh memberi dan membawa kemajuan ke kawasan Pendang dan Anak Bukit,” katanya dalam perutusan yang disiarkan RTM, tengah hari ini.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian penyandanganya, Datuk Fadzil Noor pada 23 Jun lalu. Penamaan calon untuk pilihan raya kecil itu diadakan pada 10 Julai lalu.

Dr Mahathir yang dipetik Bernama, berkata beliau memberi nasihat sedemikian kerana perasaan dan semangat kebencian di kalangan penyokong parti pembangkang begitu menyeluruh kerana ia disemai sejak peringkat kanak-kanak.

“Cara sedemikian akan menyebabkan kebolehan untuk memilih siapa yang baik tidak dapat dilakukan kerana perasaan benci telah mempengaruhi pemilihan,” katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun keputusan pilihan raya kecil itu tidak dapat menentukan siapa yang akan menjadi kerajaan dan siapa yang akan menjadi pembangkang, ia tetap

penting kepada penduduk kawasan berkenaan.

Katanya, calon dari bukan parti kerajaan sering kali tidak boleh menunaikan janji mereka dan sebaliknya calon dari parti kerajaan boleh menunaikan janji mereka walaupun tidak semuannya.

Daripada rekod kerja BN sebagai parti memerintah, katanya, terbukti kerajaan telah membawa banyak kemajuan dan perubahan di Pendang dan Anak Bukit.

“Saya dulu pernah jadi wakil rakyat Pendang dan saya tahu keadaan ketika itu begitu teruk, tetapi sekarang kita dapati begitu banyak kema-

juan hasil usaha kerajaan negeri dan Pusat,” katanya,

Perdana Menteri juga berharap pengundian akan dapat dijalankan dengan sempurna selaras amalan demokrasi.

**LIHAT MUKA 2**

# 3,000 anggota polis kawal proses pengundian

BH 18 JUL 2002

DARI MUKA 1

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada sidang akhbar selepas menemui penduduk di Kampung Pondok Chegar di sini, pula berkata polis sudah membuat segala persiapan bagi memastikan proses pengundian berjalan lancar tanpa sebarang gangguan.

Lebih 3,000 anggota polis termasuk unit trafik, dikerah untuk mengawal keselamatan dan lalu lintas di kedua-dua kawasan pilihan raya itu.

Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman, pada sidang akhbar di sini juga menasihatkan penyokong BN dan Pas tidak menimbulkan ketegangan di sekitar pusat mengundi bagi mengelak kejadian buruk.

Beliau juga mengingatkan pelayu undi kedua-dua parti supaya tidak mengganggu pengundi, terutama yang sudah berusia.

Katanya, kira-kira 30 peratus daripada pengundi di Pendang dan Anak Bukit berusia lebih 51 tahun.

"Golongan dalam usia ini biasanya bimbang untuk keluar mengundi jika berlaku kekecohan atau keadaan yang difikirkan tidak selamat. Mereka adalah orang

lama yang hanya akan keluar mengundi jika keadaan sekitar tenang," katanya.


Abdul Rashid bagaimanapun berkata, pengundi berusia antara 31 hingga 50, kumpulan pengundi terbesar di dua kawasan itu, tiada masalah untuk keluar mengundi walau dalam keadaan apa sekali pun.

Beliau juga meminta pengundi muda yang mewakili 15 peratus, supaya 'tidak malas' untuk keluar mengundi.

"Golongan muda ini tidak harus melepaskan peluang mengundi dan tinggalkan sekejap kerja untuk membuang undi," katanya yang yakin ramai pengundi akan menunaikan tanggungjawab mereka esok.

Pada pilihan raya umum 1999, Kedah mencatatkan peratusan keluar mengundi antara tertinggi di seluruh negara dengan Pendang mencatat 81 peratus dan Anak Bukit 78 peratus.

Pada pilihan raya kecil esok, SPR menyediakan 43 pusat pengundian dengan 120 saluran mengundi di 41 sekolah dan dua dewan orang ramai di Pendang manakala di Anak Bukit, 13 pusat pengundian dengan 44 saluran mengundi disediakan di 12 sekolah dan sebuah dewan.



**PILIHAN RAYA KECIL**

**PARLIMEN PENDANG DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI ANAK BUKIT**

**18 Julai 2002**

Pengundian akan bermula jam 8 pagi hingga 5.30 petang. Pusat penjumlahan undi bagi Pendang ialah di Sekolah Menengah Kebangsaan Pendang, manakala Anak Bukit di Auditorium Bernas, Anak Bukit.

SPR menjangka keputusan bagi Anak Bukit diketahui lebih awal, iaitu kira-kira jam 8.30 malam, manakala Pendang menjelang tengah malam kerana kawasannya luas dan mempunyai banyak peti undi.

Abdul Rashid berkata 815 petugas SPR terbabit dalam pilihan raya itu, iaitu 586 orang di Pendang dan 229 di Anak Bukit, membabitkan perbelanjaan lebih RM300,000.

Sementara itu, Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca meramalkan cuaca cerah pada waktu pagi di seluruh Kedah esok, tetapi dijangka mendung sedikit menjelang petang.